

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@berita.com.my

"KALI terakhir saya melawat Zoo Negara, Ampang, ketika mengikuti lawatan tadika dulu," kata seorang pegawai eksekutif sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur yang ditemui ketika lawatannya ke zoo berkenaan baru-baru ini. Memang tidak dinafikan destinasi ini pernah popular suatu ketika dulu dan setiap daripada kita pernah mengunjunginya walaupun sekali tetapi mungkin sudah lama.

Jika anda berada dalam golongan itu, sudah tiba masanya untuk meletakkan kunjungan ke tempat ini dalam senarai teratas destinasi yang akan dilawati hujung minggu nanti. Sempena Tahun Melawat Zoo Negara 2009 pastinya ia waktu terbaik untuk berkunjung ke sana bersama keluarga atau teman istimewa.

Zooi Zoo Negara dan Tahun Melawat Zoo Negara 2009 hanyalah satu daripada pelbagai produk pelancongan menarik yang ditawarkan pada tahun ini dalam kempen promosi pelancongan domestik ZOOM: Malaysia.

Bagaikan khazanah berharga yang tersimpan selama 45 tahun di tengah ibu kota Malaysia, kewujudan Zoo Negara kini tampil dengan imej baru yang lebih menarik khususnya kepada pengunjung yang inginkan ketenangan tanpa memerlukan perbelanjaan yang besar.

Dua dunia yang cukup berbeza, antara kesibukan hidup di bandar serta hiruk-pikuk bunyi kenderaan, hilang sekejap mata dan tenggelam dalam suasana hutan belantara apabila melangkah masuk ke zon yang terkenal dengan kawasan hidupan liar ini.

Lupakan tarikan lama Zoo Negara itu kerana ia kini menampilkan konsep baru sesuai dengan gaya hidup moden warga kota yang sentiasa mencari tempat terbaik untuk bersantai meluangkan masa bersama keluarga pada hujung minggu.

Selaras dengan hasrat menjadikannya berdaya saing, Kementerian Pelancongan bekerjasama dengan Persatuan Zoologi Malaysia melancarkan Zooi Zoo Negara dan Tahun Melawat Zoo Negara 2009 sebagai langkah proaktif menarik 2.5 juta pengunjung pada tahun ini.

Pelbagai program hebat yang dikenali sebagai Program 100 Hari* diturunkan bagi membuka tirai kemeriahan sambutan sepanjang tahun, yang tidak hanya mensasarkan kumpulan pelajar tetapi sesuai bagi semua peringkat umur serta lapisan masyarakat.

Antaranya, pertunjukan fesyen berinspirasi halwan, pertandingan fotografi haiwan liar, lelongan barang seni, persembahan akrobatik, semi-



Zoo Negara

Hulu Kelang
68000 Ampang
Selangor Darul Ehsan
Telefon : +603-41083422,
+603-41083427 atau
+603-41083428
Laman web: www.
zoonegara.org.my

Zoo Negara tampil imej baru

Kelainan janjikan keseronokan kepada pengunjung



AZALINA (kanan) bersama Ismail memegang ular sawa selepas pelancaran Tahun Melawat Zoo Negara dan Zooi Zoo Negara.

INFO

- Zoo Negara dibuka setiap hari dari 9 pagi - 5 petang.
- Bayaran masuk
 - Dewasa RM15
 - Kanak-kanak (3 tahun - 12 tahun) RM6
 - Warga emas (60 tahun ke atas) RM6
- Tiket percuma akan diberikan jika berkunjung pada hari hari (bukti dan pengesahan perlu dikemukakan) selain tarikan istimewa kepada pelajar sekolah.
- Kad Kesetiaan* khas untuk kanak-kanak berusia 13 tahun ke bawah turut ditawarkan dengan yuran penyertaan RM20 setahun. Melaluinya pemegang kad boleh melawat Zoo Negara sekerap mungkin tanpa dikenakan bayaran selama setahun.

CARA KE SANA

Menggunakan Sistem transit aliran ringan (LRT) aliran Kelana Jaya ke perhentian Wangsa Maju sebelum mengambil teksi terus ke Zoo Negara manakala dengan menggunakan bas, pengunjung boleh ke sana dengan Metrobus Number 16 dari Central Market, Rapid KL nombor U34 dari Perhentian Putra LRT Wangsa Maju atau Rapid KL nombor U23 dari perhentian Elangaya.

nar, jualan bonet kereta, festival filem dan video hidupan liar Asia, Larian marathon antarabangsa zoo dan pertandingan memancing.

Kemuncak program adalah pelantikan Pemangku Sultan Terengganu, Tengku Muhammad Ismail ibni Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin sebagai Duta Hidupan Liar Diraja Zoo Negara selain pelancaran Zoo Negara Aqaria yang diberi nafas baru selepas 45 tahun.

Menteri Pelancongan, Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata Zoo Negara mempunyai potensi yang besar untuk menyumbang kepada peningkatan jumlah pelancongan dalam negara dan domestik pada tahun ini.

Katanya, hasrat ini hanya dapat dicapai dengan menawarkan kelainan dan pembaharuan terhadap produk pelancongan sedia ada bagi memastikannya mempunyai nilai tambah yang boleh diketengahkan sebagai daya menarik berbanding tahun sebelumnya.

Beliau berkata, selaras dengan itu, kementerian juga akan menimbangkan membawa evolusi baru dalam industri ini dengan mewujudkan kunjungan seketika pelancong yang sedang menunggu penerbangan transit di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Zoo Negara.

Bush fikiran itu ada benarnya untuk meningkatkan jumlah pelancongan dan bukti kerajinan semakin serius melihat potensi besar Zoo Negara menjadi destinasi terkemuka bertaraf antarabangsa setanding Zoo San Diego, Berlin Zoo dan Beijing Zoo.

Asasnya, Zoo Negara yang berkeluasan 48.6 hektar adalah zon yang tertua dan terbesar di negara kita dengan menempatkan lebih 5,137 haiwan yang

meliputi 500 spesies mamalia, burung, reptilia, amfibia, serangga dan ikan.

Walaupun memerlukan sedikit perhatian khusus bagi meningkatkan dan memperkemaskan infrastrukturnya, kunjungan ke zoo ini pasti tidak akan mengecewakan pengunjung kerana persekitaran hutannya, kesegaran udara dan aroma serta bunyi unggas masih kekal terpelihara.

Faktor inilah yang menjadikan Zoo Negara lebih unik berbanding zoo di negara jiran apabila keenam-enam 'elemen' utama untuk hidupan liar iaitu mamalia, burung, reptilia, amfibia, serangga dan ikan dikumpulkan di bawah satu bumbung menjadikannya bilik darjah terbuka yang lengkap untuk pelajar sekali gus menjadi menarik pelancong asing.

Kedudukannya di kawasan bandar serta berhampiran destinasi pelancongan lain di Kuala Lumpur menyebabkannya menerima tempas kemudahan infrastruktur serta pengangkutan awam yang cekap bagi pelancong serta orang ramai untuk mengunjunginya.

Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya kelihatan ramai pengunjung di kalangan pelancong asing memilih untuk ke sana sendiri tanpa mengikuti pakej pelancongan kerana keinginan kebebasan menikmati keindahan dan ketenangannya tanpa terikat dengan jadual yang disediakan.

Sekiranya ia diiktiraf oleh pelancong asing, mengapa tidak kita warga tempatan mengunjunginya dan menilai keseronokan kunjungan ke sana sendiri tanpa perlu dibayangi pengalaman lalu. Pasti pembaharuan terkini yang dibawa Zoo Negara akan memberikan keseronokan kepada anda sekeluarga.